

Ramai mahu jadikan Mohamad Ramadan anak angkat

KUANTAN 30 Mei - Lebih 50 keluarga menyatakan hasrat untuk menjadikan seorang bayi lelaki yang ditemukan dalam tong sampah di hadapan sebuah rumah di Taman Temerloh Jaya, Temerloh dekat sini kelmarin sebagai anak angkat.

Bayi yang dinamakan Mohamad Ramadan itu menarik perhatian ramai apabila kisah penemuannya pada hari pertama umat Islam berpuasa menjadi tular di media sosial.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia negeri, Datuk Shahaniza Shamsudin berkata, pihaknya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerima banyak panggilan telefon daripada individu yang menyatakan keinginan untuk menjaga bayi berkenaan.

"Bukan sahaja panggilan telefon, malah di Facebook saya juga ramai pengikut dan kenalan menyatakan hasrat untuk menjadikan bayi berkenaan sebagai anak angkat.

"Namun, perlu dijelaskan seti-

ap permohonan anak angkat termaktub dengan prosedur mengikut Akta Kanak-Kanak dan bukan sembarangan orang boleh membuat permohonan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Akhbar semalam melaporkan kisah penemuan Mohamad Ramadan yang kini mendapat rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas), Temerloh menarik perhatian sehingga menjadi rebutan ramai.

Menurut Shahaniza, pada masa ini JKM merupakan penjaga sementara bagi bayi berkenaan sehingga mendapat perintah mahkamah.

"Kebiasaannya kita akan menunggu sehingga sebulan dan jika tiada tuntutan daripada waris, JKM akan mendapatkan perintah daripada mahkamah untuk tindakan seterusnya.

"Selepas itu baru JKM akan pertimbangkan untuk mencari keluarga angkat bagi bayi berkenaan," jelasnya sambil memberitahu Mohamad Ramadan berada dalam keadaan baik dan sihat.



SHAHANIZA SHAMSUDDIN melawat bayi lelaki yang dijumpai di dalam tong sampah di Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh, Pahang, semalam.